

MAHATHIR - KEMPEN

JITRA, 24 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MELANCARKAN KEMPEN BARISAN NASIONAL KEDAH DENGAN MENGGESA RAKYAT NEGERI INI MENOLAK PAS SERTA PERJUANGANNYA.

SEMASA BERUCAP KEPADA BERATUS-RATUS PENYOKONG PARTI DI HADAPAN BANGUNAN UMNO KUBANG PASU DI SINI SELEPAS MENYERAHKAN KERTAS PENCALONANNYA DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU, BELIAU BERKATA, PAS HANYA BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM INI SEBAGAI MENGAMBIL SYARAF DAN MENJAGA HATI PARA ANGGOTANYA SAHAJA.

SEBALIKNYA, KATANYA, BN BERTANDING BAGI MEMASTIKAN NEGARA TERUS STABIL DAN RAKYAT MENIKMATI KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN.

+KITA BERSIMPATI DENGAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PAS TETAPI YANG PENTING SEKARANG SETIAP RAKYAT HARUS MENOLAK MEREKA DAN MEMBERIKAN KEPERCAYAAN YANG TIDAK BERBELAH-BAHAGI KEPADA KERAJAAN BN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN BERHARAP PARA ANGGOTA DAN PENYOKONG PARTI TIDAK AKAN LALAI DAN BEKERJA KUAT SUPAYA BN BUKAN SAHAJA TERUS MEMERINTAH NEGERI INI TETAPI DIPILIH DENGAN MAJORITI YANG LEBIH BESAR BERBANDING DENGAN PILIHAN RAYA YANG LEPAS -- LAGI.

1447MST 24 07 86

MAHATHIR - KEMPEN 2 JITRA

PERDANA MENTERI TERLIBAT DALAM PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU DENGAN PAS YANG MELETAKKAN DOKTOR HOMEOPATI, DR AZIZAN HAJI ISMAIL, 37, PENOLONG KETUA PEMUDA PAS KUBANG PASU.

BELIAU AKAN MEMPERTAHAKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU YANG PERTAMA KALI DIMENANGINYA TAHUN 1974 MANAKALA INI MERUPAKAN PERCUBAAN PERTAMA BAGI DR AZIZAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGEMUKAKAN BORANG PENCALONANNYA TEPAT PUKUL 10 PAGI PADA PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA HAJI ISMAIL DATUK HAJI SHAFIE MANAKALA LAWANNYA MENYERAHKAN BORANG PENCALONAN PUKUL 9.20 PAGI.

SEBAIK-BAIK SAHAJA PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA MENGUMUMKAN PERTANDINGAN DUA PENJURU ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH CALON-CALON BN BAGI KAWASAN NEGERI JITRA DAN TUNJANG, ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI BERARAK SEMULA KE PEJABAT UMNO BAGI MENYAMPAIKAN UCAPAN PELANCARAN KEMPEN SEBELUM KE TITI GAJAH UNTUK BEREHAT.

CALON-CALON PAS PULA BERARAK BERSAMA-SAMA PARA PENYOKONG MEREKA KE MARKAS TARBIAH PAS DI KAMPUNG HIJRAH.

PETANG INI DATUK SERI DR MAHATHIR BERUCAP KEPADA PARA PENYOKONG BN DI SEKOLAH MENENGAH JITRA. BELIAU DAN ROMBONGANNYA BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI ESOK. -- BERNAMA

1451MST 24 07 86